

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL  
KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTA JAM ]**

**TARIKH** : **17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status guna tenaga tidak penuh, (underemployment) belia, mengikut pecahan kebangsaan, negeri, umur, jantina dan kelulusan akademik, Adakah Kementerian bercadang untuk mengemukakan data bagi NEET (not in education, employment, and training) bagi golongan belia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Menurut Jabatan Statistik Malaysia / *Department of Statistic Malaysia* (DOSM), mereka yang sedang bekerja dan bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan oleh bentuk kerja mereka atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima beban kerja tambahan dianggap sebagai guna tenaga tidak penuh dan dimasukkan dalam kategori 'bekerja'.
2. Merujuk kepada Statistik Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia Bagi Tahun 2001 hingga 2019, penduduk Malaysia yang di dalam kategori 'bekerja' adalah sebanyak 9.357 juta pada tahun 2001 dan terdapat peningkatan, menjadikan jumlah 'bekerja' bagi tahun 2019 ialah seramai 15.073 juta orang.
3. Selain itu, merujuk kepada Statistik Penduduk Bekerja Kurang Daripada 30 Jam Mengikut Sektor di Malaysia Tahun 2019 adalah menunjukkan bahawa 'Sektor Perkhidmatan' mempunyai jumlah tenaga buruh yang paling tinggi iaitu sebanyak 198,600 orang manakala 'Sektor

Perlombongan dan Pengkuarian' menunjukkan jumlah tenaga buruh yang paling rendah iaitu sebanyak 200 orang.

4. Manakala bagi data NEET yang bermaksud tidak terlibat dengan sebarang program pendidikan, tidak bekerja, dan juga tidak melibatkan diri dengan sebarang program latihan kemahiran, KBS telah menerima data Statistik Belia NEET (Not in Education, Employment or Training) Mengikut Negeri dan Jantina Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018 daripada pihak DOSM. Data tersebut adalah bagi kategori umur 15 hingga 24 tahun sahaja.

5. Merujuk kepada statistik tersebut didapati bahawa pada tahun 2016 sejumlah 711,650 belia berada di dalam kategori NEET.

6. Berdasarkan negeri, daripada jumlah tersebut (711,650 orang), negeri tertinggi mencatatkan jumlah belia dalam kategori NEET adalah di negeri Sabah iaitu sebanyak 217,819 belia manakala negeri yang paling rendah mencatatkan data belia NEET adalah negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak 518 belia.

7. Berdasarkan jantina, daripada jumlah tersebut juga (711,650 orang), sejumlah 266,753 orang merupakan lelaki dan 444,897 adalah perempuan.

8. Terdapat peningkatan jumlah belia bagi kategori NEET ini menjadikan jumlah keseluruhan pada tahun 2018 adalah sebanyak 765,841 belia (15 hingga 24 tahun).

9. Daripada jumlah tersebut (765,841 orang), negeri tertinggi mencatatkan jumlah belia dalam kategori NEET adalah negeri Sabah iaitu sebanyak 230,457 manakala negeri yang paling rendah mencatatkan data belia NEET adalah negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak 623 belia.

10. Daripada jumlah tersebut juga (765,841 orang), sejumlah 292,732 adalah belia lelaki dan 473,109 orang adalah belia perempuan.

Sekian, terima kasih.